



Untuk Terbitan Media

19 Mei 2024

SIARAN MEDIA

NELAYAN LEMAS HULUR 'TALIAN HAYAT' UNTUK WARIS KELUARGA ALERT: WARIS TERIMA DUA FAEDAH PERKESO

BALIK PULAU – Balu dan empat cahaya mata kepada nelayan yang meninggal kerana bersabung nyawa mencari rezeki di laut, 5 April lalu mendapat faedah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, berkata Allahyarham yang ditemui mati lemas adalah pencarum PERKESO menerusi Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789), sejak 24 Februari 2020. Caruman beliau dibuat menerusi inisiatif yang telah dijayakan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pulau Pinang yang telah mencarumkan untuk beliau melalui potongan sekali dalam setahun menerusi elaun sara hidup bulanan yang diterima beliau dari LKIM.

Katanya, caruman hasil keringat ketua keluarga itu melayakkan warisnya menerima Faedah Orang Tanggungan (FOT) berjumlah RM1,395 untuk setiap bulan dan Faedah Pengurusan Jenazah berjumlah RM2,000 secara sekali bayar.

“Skuad PERKESO Prihatin yang mendapat makluman berhubung kes ini mendapati Allahyarham Mohd Azrul Rosli adalah pencarum Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) PERKESO sejak lebih empat tahun lalu.

“Justeru, balunya, Aiza Musliha Muda menerima bayaran pertama FOT pada Jumaat lalu hasil caruman Allahyarham untuk meneruskan kehidupan.

“Bayaran FOT berkadar RM1,395 akan diberikan dan dibahagi mengikut syer masing-masing untuk sepanjang hayat buat Aiza, manakala empat anak Allahyarham adalah sehingga mereka berusia 21 tahun atau selagi melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan Ziarah Prihatin ke kediaman Allahyarham Mohd Azrul, di Titi Teras, di sini, selain menyerahkan sumbangan wakallah PERKESO dan kotak prihatin.

Pada 4 April lalu, gerakan mencari diaktifkan apabila Mohd Azrul dilaporkan tidak pulang daripada keluar menangkap ikan secara bersendirian, sebelum ditemui mati lemas sehari kemudian.

Steven Sim berkata, ketika ini terdapat 37,047 nelayan sahaja yang berdaftar daripada keseluruhan 611,617 OBS aktif menerusi Akta 789, manakala itu PERKESO sudah meluluskan sebanyak 1,925 kes tuntutan faedah SKSPS bagi tempoh Januari hingga Mei tahun ini dengan jumlah pembayaran yang mencecah RM8.01 juta.

“Oleh itu, individu bekerja sendiri termasuk nelayan perlu cakna mengenai kepentingan jaringan keselamatan sosial dalam menyediakan perlindungan komprehensif yang bukan sekadar menjaga kebajikan pencarum, sebaliknya turut meliputi kebajikan orang tanggungan mereka,” jelasnya.

Program Ziarah Prihatin ini turut dihadiri En. Raymond Rosidih - Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Negeri P.Pinang,
En.Khairil Anuar b. Chek Mat - Pengurus Besar Persatuan Nelayan Kawasan Pulau Pinang Selatan dan Puan Chiam Hong Lan Pengurus Pejabat PERKESO Pulau Pinang.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘*no one left behind*’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs

One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal

Korporat 10 Mei 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon

+6017-619 3181

wazid.zaidon@perkeso.gov.my